

**NO. SOALAN: 112**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Chua Tee Yong [ Labis ]**

**TARIKH : 11 Jun 2014 (Rabu)**

**Datuk Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah hasil Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti GNI per kapita bertambah 42,5 peratus bermaksud kepada rakyat, sedangkan rakyat sekarang dibebani oleh harga rumah yang tinggi and kos hidup meningkat.

**JAWAPAN:** **YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

GNI per kapita ataupun Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita bermaksud jumlah pendapatan yang dijana oleh rakyat Malaysia secara purata setahun, termasuk hasil pendapatan syarikat dan rakyat Malaysia yang berada di luar negera. Ia hanya satu penanda aras ekonomi sahaja. Sasaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah untuk melonjakkan GNI per kapita Malaysia kepada AS\$15,000. Pada tahun 2013, GNI per kapita telah meningkat kepada AS\$10,060 daripada AS\$7,059 pada tahun 2009, iaitu peningkatan sebanyak 42.5 peratus.

Di bawah NKRA menangani kos sara hidup, seperkara yang sangat mustahak dan dititikberatkan oleh Kerajaan adalah soal perumahan. Oleh sebab itu, Majlis Perumahan Negara telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menyelaraskan undang-undang pentadbiran perumahan negara, menyediakan Projek Perumahan Rakyat untuk memenuhi permintaan rakyat dan juga menempatkan semula setinggan.

Yang Berhormat, harga rumah ditentukan oleh bekalan dan permintaan ataupun “supply and demand” serta faktor lain yang sememangnya di luar kawalan Kerajaan. Namun begitu, Kerajaan memahami keinginan rakyat untuk memiliki rumah sendiri dan justeru bertekad untuk membantu rakyat mencapai hasrat tersebut dengan menjanjikan pembinaan sekurang-kurangnya 1 juta unit rumah mampu milik menjelang 2018. Pada tahun 2014, Kerajaan telah memperuntukkan 2.1 bilion ringgit bagi pembinaan 133,000 unit rumah mampu milik untuk golongan isi rumah yang berpendapatan sederhana yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Majlis Perumahan Negara, PR1MA, dan Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Selain itu, program *MyHome* yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada 1 April 2014 memberikan subsidi maksimum sehingga RM30,000 kepada rakyat Malaysia yang layak untuk membeli rumah. Program tersebut akan melibatkan kira-kira 10,000 unit rumah yang dibina oleh pihak swasta dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM300 juta.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 [ RABU ]**

**SOALAN : 113**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah bilangan penerima geran penyelidikan di bidang pertanian yang telah dikomersialkan. Berapakah penyelidikan di bidang industri padi yang telah dikeluarkan oleh Kementerian kepada syarikat tempatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di - Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa berusaha untuk mewujudkan satu ekosistem pendanaan lengkap yang merangkumi pembiayaan daripada peringkat penyelidikan gunaan sehingga ke peringkat pengkomersilan. Ekosistem pendanaan ini dapat membantu untuk membangunkan sesuatu inovasi daripada peringkat penyelidikan kepada peringkat pengkomersilan.

Dalam hubungan ini beberapa sektor di bawah bidang pertanian seperti *Food Security* dan *Plantation Crops and Commodities* telah dikategorikan sebagai sebahagian daripada Bidang Keutamaan Penyelidikan dan Pembangunan Negara untuk melaksanakan projek di

bawah dana yang ditawarkan oleh MOSTI. Sebanyak 239 projek berkaitan dengan pertanian telah diluluskan pembiayaan berjumlah RM94.88 juta di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, menerusi Dana Sains dan Dana Pra-Pengkomersilan yang dikendalikan oleh MOSTI, sebanyak 110 projek berkaitan dengan pertanian telah diluluskan pembiayaan berjumlah RM36.88 juta.

Menerusi Dana *Commercialisation of R & D Funds* (CRDF) yang ditawarkan oleh Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd (MTDC) sebanyak 14 buah syarikat dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM20.61 juta telah diluluskan khususnya dalam bidang pertanian.

Sepanjang tempoh RMKe-9, sebanyak 30 syarikat BioNexus di bidang pertanian dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM63.49 juta telah menerima bantuan dana dari Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) melalui program *Biotechnology Commercialisation Grant* (BCG). Dana BCG ini bertujuan untuk membantu syarikat berstatus BioNexus mendapatkan modal permulaan perniagaan. **Kesemua syarikat yang telah menerima bantuan dana BCG tersebut telah mengkomersilkan hasil produk dan perkhidmatan mereka.**

Manakala di bawah RMKe-10 pula, menerusi program dana *Biotechnology Commercialisation Fund* (BCF), sebanyak 11 syarikat BioNexus dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM30.22 juta di bidang pertanian telah menerima bantuan pembiayaan dari BiotechCorp. **Kesemua 11 syarikat tersebut telah mengkomersilkan hasil produk dan perkhidmatan mereka.**